

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.03.2026 MASA: 8:30pg

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 1/2026

TARIKH / MASA / TEMPAT

10 MAC 2026 (SELASA)
8:30 PAGI

RUANG LEGAR
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Ooi Yong Wooi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk berhimpun di pagi yang penuh barakah ini bersempena dengan 20 Ramadan 1447. Saya mengalu-alukan kehadiran barisan Ketua-Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis ke Perhimpunan Korporat yang pertama bagi tahun 2026. Terima Kasih juga kepada Tuan Setiausaha Bandaraya , Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan seluruh warga MBSP yang sentiasa bersama-sama saya dalam mengharungi liku-liku cabaran dan perjalanan MBSP.

RAMADAN MEMBINA PENJAWAT AWAM YANG BERINTEGRITI

2. Bulan ini bukan sahaja mendidik kita untuk menahan lapar dan dahaga, tetapi membentuk jiwa kita menjadi lebih sabar, amanah dan bertanggungjawab. Dalam Surah Al- Baqarah Ayat 153: "Wahai Orang-Orang Beriman! Mohonlah pertolongan dengan sabar dan solat. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar".
3. Ayat ini juga menerangkan pada kita, bahawa, kita semua tidak dapat lari daripada tekanan dan bebanan kerja, aduan pelanggan,

kekangan masa dan cabaran persekiran. Bulan Ramadan yg penuh barakah ini, mengajar kita erti sabar di mana sabar itu bukannya kelemahan, tetapi ianya kekuatan yang menjadikan kita lebih profesional, berintegriti, tenang dalam membuat keputusan dan matang dalam menangani isu-isu yg timbul. Kita perlu terus bekerja walaupun penat, walaupun diuji dan terus berbuat baik walaupun tidak dihargai.

AGENDA NASIONAL 2026: FAST EXECUTION, IMPACTFUL RESULTS

4. Semasa Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara(KSN) yang telah diadakan pada 15 Januari 2026 yang lepas, beliau telah menetapkan tahun 2026 adalah tahun ***Fast Execution, Impactful Results***. Prosedur dan SOP jangan diketepikan, jangan hanya merancang tetapi tiada tindakan. Jangan menjadi seperti pepatah melayu "Cakap tak serupa bikin". Mandatnya jelas **Rancang- Laksana Segera- Pantau Rapi- Impak kepada Rakyat**. Apa yang diputuskan hari ini tidak boleh tunggu esok. Budaya *Follow Up* dan *Follow Through* perlu diperkasa dan diperhebat. Buang sikap menunggu arahan.
5. Disamping itu, buang sikap SILO, kita dituntut bergerak secara ***Whole Of Government, Whole Of Nation- No One is Left behind***.

Setiap jabatan perlu bersepadu,berkongsi tanggungjawab dan memastikan tiada yang tercicir daripada manfaat pembangunan.

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (ARPA)

6. Pegawai Bekerja Ikut Waktu Pejabat, tetapi masalah jarang datang ikut waktu pejabat. Sebab itu ada di antara kita , yang bertugas 24-7 untuk, shift dan sebagainya kerana apa? Kerana banyak isu yang timbul di lapangan kadangkala merentas waktu masa kita sepatutnya bertugas. Bila rakyat tertekan, bila sistem belum sempurna, bila pegawai dah *burn out*, adakalanya kita tidak boleh bergantung pada prosedur semata-mata. Prosedur sememangnya penting, tetapi kebijaksanaan dan keberanian membuat keputusan itu lebih utama. Apa jua jawatan kita, jangan biarkan rakyat menunggu tanpa penyelesaian. Rasullullah juga pernah bersabda ” Sesiapa yang memudahkan urusan orang yang dalam kesusahan, Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat” (Hadis Riwayat Muslim). Selain itu, semua agama mengajar supaya kita berbuat baik dan memudahkan urusan orang lain. Nilai ini bersifat universal dan sejagat serta menjadi asas kepada perkhidmatan awam yang berintegriti dan berjiwa rakyat.

7. Keputusan yang baik lahir daripada real time data. **”Data Is The Oxygen Of Government”**. Data adalah elemen yang

menghidupkan dan menggerakkan pentadbiran MBSP, meningkatkan ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti. Dengan memanfaatkan data secara strategik, kita bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan malah menyokong aspirasi pembangunan di dalam Penang2030. Ingat **Data is Power**, tanpa data, keputusan gelap.

8. Dalam Konteks inilah **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** menjadi sangat penting. ARPA ialah cara kita bekerja. Seperti yang telah saya sebut sebelum ini, kita perlu mengubah cara kita bekerja, tidak boleh bekerja seperti tampok lama, kita perlu ubah dengan :

- Memendekkan proses yang terlalu panjang
- Menghapuskan birokrasi yang tidak perlu
- Bekerja merentas jabatan tanpa silo
- Fokus kepada hasil sebenar
- Memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) untuk membantu kerja harian kita. AI bukannya menggantikan manusia tetapi memperkasakan, membantu dan memudahkan kita mempercepatkan proses kerja . Walau bagaimanapun, jangan jadi hamba AI, pertimbangan masih perlu dibuat oleh kita.

9. Sekiranya, ada proses yang menyusahkan kita dan rakyat, kita perlu lihat semula dan cari jalan terbaik. Gunakan kebijaksanaan, kreativiti dan inovasi masing-masing serta cari kaedah yang terbaik sebab

saya yakin, segala permasalahan ada penyelesaiannya. Selama mana kita berkhidmat, selama mana jawatan yang kita pegang, ini adalah amanah sementara yang mesti dilaksanakan sebaiknya.

MISI UTAMA: PERCEPAT, PERMUDAH, PERHEBAT

10. Untuk menjayakan Agenda Nasional dan ARPA ini, tiga misi utama perlu menjadi pegangan buat kita iaitu Percepat, Permudah, Perhebat. **Percepat** dimana Hala Tuju dan Perancangan Strategik perlu disiapkan awal, mesyuarat perlu lebih padat, fokus dan berorientasikan tindakan. Keputusan dibuat segera dan tindakan perlu ada garis masa. **Permudah**, amalkan *No Wrong Door Policy*. Mudahkan urusan orang, jangan susahkan. Pastikan rakyat mendapat penyelesaian segera tanpa perlu berulang alik dari satu pejabat ke pejabat yang lain. Yang terakhir ialah **Perhebat** reformasi budaya kerja. Manfaatkan teknologi digital, kurangkan kebergantungan terhadap individu, wujudkan budaya berasaskan sistem. Ini dijelaskan juga di bawah gagasan Penang 2030, khususnya Teras C4 yang menekankan kecekapan institusi dan tadbir urus yang baik, kita perlu memperkukuh budaya kerja yang cekap, cepat, telus dan berintegriti dalam setiap lapisan perkhidmatan.

11. Dalam kita melaksanakan tugas, wujudkan kepercayaan. Tanpa kepercayaan, arahan tidak akan dipatuhi. Bina kepercayaan pula melalui 3K:

- Tingkatkan **Keupayaan** dalam bekerja
- Pelihara **Keperibadian** dengan integriti dan kejujuran
- Jaga **Komunikasi** dengan mendengar dan menghormati

12. Amalkan 3T **Tanggjawab, Telus** dan **Turun Padang**.

Pegawai- pegawai sekarang perlu lebih banyak turun padang, baru kita akan faham isu dan permasalahan di tapak. Dengan ini, keputusan dapat dibuat sewajarnya.

PENCAPAIAN MBSP

13. Alhamdulillah syukur di atas pencapaian yang cemerlang sebanyak 18 pencapaian untuk tahun 2025 dan pada tahun ini sebanyak 6 pencapaian telah diperolehi setakat hari ini. Syabas buat semua.

14. Untuk makluman juga , Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menjadi Ahli *World Health Organization's (WHO) Global Network* untuk melaksanakan *Age-Friendly Cities And Communities* yang dikenali dengan AFC Seberang Perai pada 1 Disember 2025. Pelancaran AFCSP telah diadakan melalui Sidang Akhbar pada 29 Januari 2026.

Age-Friendly City atau Bandar Mesra Usia (AFC) adalah rangka kerja yang dibangunkan oleh World Health Organization (WHO) dengan mengambil kira keperluan dan keutamaan khusus orang dewasa yang lebih tua. Rangka kerja tersebut menyediakan persekitaran selamat dan inklusif kepada semua kumpulan umur terutamanya warga emas. Inisiatif AFCSP akan dilaksanakan oleh MBSP bermula November 2025 sehingga 2028 dengan kerjasama PWDC. Pelaksanaan AFC di Seberang Perai akan meningkatkan *liveability* dan kesejahteraan warga emas. Di samping, memupuk hubungan antara generasi dan komuniti yang lebih inklusif untuk penduduk semua peringkat umur.

15. Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan bagi tahun 2025 telah dilaksanakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) pada 18 hingga 19 Jun 2025 di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Untuk makluman, hasil daripada lawatan dan penilaian Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah berjaya memperolehi penarafan **BAIK / 4 BINTANG**. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MBSP atas komitmen tinggi sepanjang pengauditan.

16. MBSP juga telah bersetuju meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM300,000.00 bagi Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan kakitangan MBSP tertakluk kepada syarat-syarat Pekeliling Perbendaharaan (WP 9.2/2013 dan WP 9.3/2013.

a) Penambahan peruntukan ini adalah bagi pinjaman kenderaan kereta kepada kakitangan MBSP.

b) Had kelayakan pinjaman kenderaan (kereta) seperti berikut:

- i. Kumpulan Pengurusan Dan Profesional RM65,000.00
- ii. Kumpulan Pelaksana RM55,000.00

c) Tarikh kuatkuasa mulai 1 April 2026.

17. Selain itu, bagi menghargai komitmen dan kerja keras Ahli Majlis dan kakitangan MBSP sepanjang tahun 2025, Insentif Kecemerlangan Prestasi diberikan pada kadar 0.25 bulan gaji atau minimum RM1,000.00 kepada Ahli Majlis dan kakitangan MBSP yang layak. Pembayaran Insentif Kecemerlangan sebanyak 0.25 ini akan dibuat pada 13 & 14 Mac 2026. Pemberian Insentif Kecemerlangan Prestasi 2025 ini akan melibatkan implikasi kos sebanyak RM4.01 juta. Manakala bonus daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula sebanyak 0.50 dan minimum RM1000 pula akan dibayar pada tarikh bayaran gaji iaitu 15 & 16 Mac ini. Saya amat berharap dengan Pemberian Intensif ini akan memberi suntikan semangat dan keazaman kepada kita semua untuk bekerja dengan

lebih kuat, cekap dan berintegriti demi menyampaikan perkhidmatan cemerlang kepada warga Seberang Perai.

MOTIVASI DAN PENUTUP

18. Saya ingin bekongsi sebuah hadis dari Abu Daud: Nabi SAW bersabda bahawa barang siapa yang telah kami ambil untuk melakukan sesuatu kerja, dan telah ditetapkan baginya sesuatu gaji atau upah maka apa yang diambilnya selepas itu adalah ghulul iaitu pengkhianatan atau curi.

19. Saya ingin menegaskan bahawa Integriti Bukan Pilihan , Integriti ialah kewajipan. Jadi sama-sama kita ingatkan diri kita, peganglah amanah dengan integriti, dahulukan kepentingan rakyat, laksanakan tugas dengan profesionalisme serta ihsan. Seperti Sabda Rasullulah SAW “Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan sebaiknya”.

20. Di kesempatan ini bersempena dengan syawal yang akan menjelang tiba minggu hadapan, saya ingin memohon maaf andai ada tersalah kata atau perbuatan. Hati-Hati di jalan raya, rancang perjalanan semua, jaga kesihatan, buang yang keruh ambil yang jernih dan semoga berbahagia bersama orang yang tersayang. Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin!!!!

Sekian, terima kasih, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*